



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (80)

Tarikh : 29 November 2013

SIARAN MEDIA

PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN 1MALAYSIA (TP1M)

Putrajaya – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin menegaskan bahawa peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dilaksanakan di semua negeri. Peruntukan ini diberikan setelah semua permohonan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Di antara syarat-syarat yang ditetapkan adalah; Pihak Joint Management Body (JMB) atau Management Committee (MC) atau Persatuan Penduduk (PP) perlu menyediakan geran sepadan sebanyak 30% ataupun 10%; bangunan tersebut juga perlu melebihi 10 tahun dan berlaku kerosakan yang serius.

TP1M ini adalah untuk program penyelenggaraan bangunan berstrata yang dimiliki oleh pihak swasta. Pelaksanaan ini menggunakan geran sepadan iaitu 30% kos dibiayai oleh JMB/MC/PP manakala 70% dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan bagi sederhana rendah dan bagi kos rendah pula 10% kos dibiayai oleh JMB/MC/PP selebihnya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Pelaksanaan Program TP1M telah dipindahkan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ke Kementerian Kesejahteraan bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada **16 Julai 2013**.

Menjawab kepada dakwaan Ahli Parlimen Bayan Baru, Kementerian ini

menegaskan bahawa bagi negeri **Selangor**, terdapat **8 permohonan** yang telah diluluskan oleh KWP di bawah penyelarasan ICU Selangor. Walaubagaimanapun, kesemua kawasan pemajuan tersebut **tidak membuat sumbangan** (30% atau 10%) iaitu kadar geran sepadan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, pihak KPKT tidak dapat meneruskan pelaksanaan projek-projek tersebut.

Bagi Negeri **Pulau Pinang**, daripada 68 permohonan, **KWP telah meluluskan sebanyak 8 permohonan** berdasarkan siling peruntukan bagi negeri tersebut sebanyak RM4.5 Juta. Daripada 8 permohonan yang telah diluluskan tersebut, hanya **4 permohonan** yang telah membuat sumbangan penuh dan dilaksanakan pada tahun 2013.

Sebagaimana yang telah ditetapkan dalam syarat utama, TP1M ini memerlukan pihak JMB/MC/PP menyediakan geran sepadan, sekiranya geran sepadan ini tidak dapat disediakan oleh pihak tersebut maka permohonan tersebut tidak dapat diteruskan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my